Pembela Islam Janganlah Bimbang

Kaum Muslimin yang mengaku beragama Islam, dan bekerja membela Islam dengan bersungguh-sungguh, dan yakin pula bahawa Islam itu agama Allah yang suci, janganlah khuatir dan bimbang menghadapi segala macam halangan dan gangguan dari golongan yang tidak suka melihat Islam maju dan berpengaruh.

Percayalah dengan sepenuh-penuh keyakinan, bahawa Allah tetap membela kita selama kita membela agama-Nya. Pembelaan ini dijelaskan oleh Allah Ta'ālā:

Yā ayyuhā al-ladhīna āmanū in tasuru[1] *Allāha yanṣurkum wa yuthabbit aqdāmakum.* (7, Muḥammad).

Ertinya: "Hai orang-orang yang beriman, jika kamu membela agama Allah nescaya Allah membela kamu dan menetapkan perdirian[2] kamu."

Ayat suci ini mengandungi janji yang tegas dari Allah kepada kita kaum Muslimin. Janji Allah tak pernah dimungkiri, bahkan mesti berlaku, asalkan sahaja syaratnya dipenuhi, iaitu membela agama-Nya. Janji Allah itu bersifat tunai, tidak ditangguhkan dan tidak terhalang. Dengan pembelaan-Nya itu kita menjadi kuat dan dengan kekuatan dari pembelaan-Nya itu, tidak ada satu pun kekuatan yang dapat melemahkan-Nya.

Janji Allah *'azza wa jalla* seperti yang tersebut telah berlaku atas diri Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam,* dan sahabatnya. Tatkala Nabī hendak ditangkap, dibuang dan dibunuh, tiba-tiba datang pertolongan Allah melepaskannya, dengan cara yang tidak diketahui oleh manusia, sebagaimana diterangkan di dalam firman Allah Ta'ālā:

Wa idh yamkuru bika al-ladhīna kafarū li yuthbitūka aw yaqtulūka aw yukhrijūka wa yamkurūna wa yamkuru Allāha wa Allāhu khayru al-mākirīn. (30, al-Anfāl).

Ertinya: "Dan ingatlah tatkala orang-orang kafir itu mengatur tipu daya terhadap engkau, bagi menawan engkau

Pelajar-pelajar Madrasah Al-Khairiah Kupang, Baling Kedah bergambar untuk kenangan semasa bercuti menyambut bulan Ramadan al-Mubārak. Duduk di tengah-tengah, Ustaz Ilyas al-Hashimi, di kanannya Abdul Hamid Lutfī (Ikhwan 3397) dan di kirinya Abdullah Zawawi (Perak). Berdiri kanan: Muhammad Isa Isma'il (Perak), Abdul Rahman Yusuf (Kelantan) dan Khair Hashim (Perak).

[1] tanṣuru
[2] pendirian

atau membunuh engkau atau mengeluarkan engkau (dari negeri Makkah). Mereka mengatur tipu daya, tetapi Allah balas mengatur tipu daya, dan Allah sepandai-pandai Pembalas tipu daya."

Selain daripada itu, kenanglah pula bagaimana keadaan Nabī bersama Abū Bakr al-Ṣiddīq, sahabatnya yang setia, ketika keduanya bersembunyi di Gua Thūr, setelah lepas dari kepungan musuh. Ketika itu Sayyidinā Abū Bakr kelihan[3] gelisah, kerana khuatir musuh dapat menjumpainya, padahal musuh pada ketika itu telah berada di atas gua. Kekhuatiran Sayyidinā Abū Bakr sebenarnya bukan kerana takutkan bencana menimpa dirinya, tetapi kerana ia khuatir jangan-jangan menimpa diri Nabī. Sebaliknya Nabī pula demikian juga terhadap diri sahabat karibnya, Sayyidinā Abū Bakr. Ini namanya membela sahabat lebih dari diri sendiri.

Dalam keadaan yang sangat ngeri itu, tiba-tiba keluar ucapan dari lidah Nabī, berupa penawar dan mententeramkan hati dalam masa tersempit. Ucapan itu telah disebut oleh Allah di dalam *al-Qur'ān,* firman-Nya:

Ertinya: "Janganlah engkau bersusah hati, sesungguhnya Allah beserta kita."

Ayat suci ini seyogia disimpan dalam ingatan, sampai hati kita menjadi tenteram dan iman bertambah teguh dalam perjuangan membela agama Allah. Kalau kita berada dalam gelisah kerana menghadapi berbagai macam halangan dalam membela agama Allah, bisikkanlah ke telinga akan ucapan Nabī itu: "Jangan susah hati, sesungguhnya Allah beserta kita," kemudian bisikkanlah kepada saudara-saudara lain yang berada dalam gelisah, sehingga kita sekalian tenteram, teguh membela agama Allah.

[3] kelihatan
* Bahasa Indonesia: Tentera.
** Bahasa Indonesia baru: Polis.
*** Bahasa Indonesia baru: Perisik.

Dengan huraian ini, mudah-mudahan hati kita semakin teguh, usaha kita membela agama Allah semakin kita jalankan dengan lancar. Allah berikan pertolongannya kepada kita.

Musuh Negara

Bodoh orang yang tak bertindak
Kesempatan datang membawa masa
Korupsi seludup lipat melipat
Timpas tundas kekayaan negara

Kaulindungi aku, kulindungi kau
Bukankah kita satu parti
Kenapa kau takut menjadi kaya
Sedang lain orang bermandi laba?

Kuberi kau license apa saja...
Asal jangan lupa semboyan kita
Keuntungan bagi tiga
50 parti 25 saya 25 kau.

Sapa berani tindak pada bapak
Ini negara saya yang punya
Militer* polisi** spion*** anggota anggota
Semua kusuap dengan harta

Makan bung, makan kenyang-kenyang
Hingga perutmu meletup kekenyangan
Atau sangkin* lohop** dan tamakmu
Makanan tercekik di kerongkongan....

...Begitu pun masih rakyat belum bertindak.

A.B. Husni

* Sangking / Saking: oleh sebab, sebab sangat (Kamus Dewan)
** Perkataan yang tepat tidak ditemui.